

# Saran IPT tubuh pasukan polis bantuan

**Serdang:** Polis mengesyorkan semua institusi pengajian tinggi (IPT) menubuhkan pasukan Polis Bantuan bagi menjaga dan menjamin keselamatan dalam kampus terutamanya pelajar.

Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar berkata, se-takat ini hanya tiga IPT yang sudah menubuhkan pasukan Polis Bantuan iaitu Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Teknikal Melaka (Utem) dan terbaru Universiti Putra Malaysia (UPM).

Menurutnya, dengan penubuhan pasukan itu kelak, sekurang-kurangnya keselamatan dalam kampus akan terjamin, sekali gus mengurangkan kadar jenayah kerana berlaku peningkatan penempatan anggota polis di merata tempat.

“Polis Diraja Malaysia (PDRM) memang mengesyorkan supaya semua IPT menubuhkan pasukan Polis Bantuan kerana dengan ada pasukan itu, keselamatan dalam kampus lebih terjamin.

“Ini juga sebagai usaha meningkatkan kehadiran polis di lebih banyak tempat khususnya di kawasan kampus bagi menjamin keselamatan pelajar,” katanya selepas Majlis Penyerahan Watikah Polis Bantuan UPM, di sini semalam.

Dalam majlis itu, beliau menyampaikan sijil kelulusan Polis Bantuan kepada Naib Canselor UPM, Profesor Datuk Dr Mohd Fauzi Ramelan yang membuka laluan jalinan kerjasama antara PDRM dengan UPM ke arah ‘kampus selamat’.

**FAKTA**  
*Hanya tiga IPT  
saja tubuh pasukan  
Polis Bantuan*